



PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR NEGARA

**PELAKSANAANNYA
DI NEGERI SEMBILAN**





Perutusan

Y.A.B. MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Sukacita dimaklumkan bahawa buku kecil ini diterbitkan adalah sebagai penerangan dan penjelasan ringkas mengenai dasar penstrukturan semula industri perkhidmatan air negara yang melibatkan setiap negeri termasuk Negeri Sembilan. Penstrukturan ini bertujuan untuk meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan bekalan air kepada rakyat. Ia turut melibatkan transformasi Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan kepada sebuah entiti korporat yang dinamakan sebagai Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS). Ia bagi memastikan perkhidmatan bekalan air dalam Negeri Sembilan khususnya dapat diuruskan dengan lebih efisien, berkualiti dan bermutu demi untuk kesejahteraan rakyat.

Dari perspektif pentadbiran Kerajaan Negeri, penstrukturan semula ini akan meringankan beban kewangan Kerajaan Negeri dan ini secara langsung akan memberi peluang kepada Kerajaan Negeri untuk memberi tumpuan dan fokus kepada pembangunan dalam sektor yang lebih memerlukan.

Sekian, terima kasih.

YAB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan
S.P.N.S., D.S.N.S., P.S.D., D.S.S.A., A.N.S.



PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR NEGARA *Pelaksanaannya di Negeri Sembilan*

1.0 TUJUAN

- 1.1 Risalah ini bertujuan sebagai makluman, memberi kefahaman dan rujukan mengenai keputusan Kerajaan menstruktur semula Industri Perkhidmatan Air Negara yang melibatkan pengkorporatan Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan (JBANS).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Dalam usaha meningkatkan mutu bekalan air dan menstruktur semula industri perkhidmatan bekalan air negara supaya lebih efisien dan berdaya saing, Kerajaan



Persekutuan dengan persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri telah meminda Perlembagaan Persekutuan dengan mengeluarkan butiran tentang "bekalan dan perkhidmatan air" daripada Senarai Negeri dan meletakkannya sebagai butiran dalam Senarai Bersama kepada Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

2.2 Pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan tersebut telah memperuntukkan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengurus dan mengawal selia industri perkhidmatan air termasuk pemberian pelesenan serta pengawalseliaan ke atas operator air. Ia turut merangkumi pemberian permit kepada tukang-tukang paip serta kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam penyediaan infrastruktur dan penyelenggaraan perkhidmatan berkaitan bekalan air.

2.3 Pindaan ini seterusnya disokong oleh dua akta yang diwujudkan khas bagi membolehkan penstrukturan semula industri air dilaksana dengan lebih teratur. Dua akta yang berkaitan adalah :



2.3.1 **Akta Perkhidmatan Industri Air Negara (AIPA) 2006 [Akta 655]**


- i. Berkuatkuasa pada 1 Januari 2008;
- ii. Bertujuan untuk membentuk satu rangka kerja bagi campur tangan kawal selia dan menggalakkan Matlamat Dasar Kebangsaan bagi perkhidmatan bekalan air dan pembentukan.

2.3.2 **Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) 2006 [Akta 654]**

- i. Berkuatkuasa pada 1 Februari 2007;
- ii. Membuka jalan ke arah penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN);

- iii. Suruhanjaya terdiri daripada 10 orang anggota yang dilantik oleh Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi bagi tempoh 2 tahun.

2.4 Berikutan penguatkuasaan kedua-dua akta berkenaan, semua operator air negeri perlu dikorporatkan selaras dengan keperluan Akta Syarikat. Ini bagi membolehkan operator air berkenaan memohon lesen yang diperlukan untuk menguruskan perkhidmatan bekalan air terawat kepada pengguna.



2.5 Selaras dengan keputusan AIPA 2006 dan ASPAN 2006, Kerajaan Negeri telah meluluskan dua enakmen berkaitan dan telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada Ogos 2007.

2.5.1 Enakmen Air (Pindaan Akta Air 1920) 2007

- i. Enakmen ini merupakan enakmen pindaan kepada Akta Air 1920 yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri sebelum penstrukturan semula industri perkhidmatan air.
- ii. Enakmen ini telah mewujudkan dan memperuntukkan kuasa kepada Jabatan Sumber Air Negeri bagi melaksanakan penguatkuasaan berhubung seliaan sumber air. Ini termasuk kuasa untuk mengisytiharkan mana-mana kawasan sebagai kawasan tadahan air dan kuasa

untuk melakukan tugas-tugas penguatkuasaan serta pendakwaan ke atas pesalah-pesalah yang telah melakukan kesalahan berkaitan sumber air negeri.


- iii. Ia antara lain bertujuan untuk melindungi sumber air negeri bagi memastikan kualiti bekalan yang terbaik dan kuantiti yang konsisten serta mencukupi.

2.5.2 Enakmen Bekalan Air (Syarikat Pengganti 2007)

- i. Enakmen ini pula adalah enakmen yang membolehkan sebuah entiti korporat mengambil alih fungsi dan peranan Jabatan Bekalan Air (JBA) Negeri Sembilan sebagai operator air negeri.
- ii. Ia adalah selaras dengan keperluan yang ditetapkan oleh AIPA 2006 yang menetapkan setiap jabatan bekalan air negeri dikorporatkan.
- iii. Enakmen ini bertujuan antara lain untuk melindungi Kerajaan Negeri dan memastikan entiti korporat yang dibentuk bagi menggantikan JBANS tertakluk kepada ketetapan yang digariskan oleh Kerajaan Negeri. Kakitangan JBANS yang memilih untuk menyertai entiti korporat turut dilindungi di bawah enakmen ini.



- 2.6. Dalam penstrukturan semula industri perkhidmatan air, tanggungjawab Kerajaan Persekutuan akan bermula dari aktiviti rawatan hingga pengagihan serta pengebilan kepada pengguna. Ini adalah bagi mewujudkan satu pendekatan yang lebih seragam dan teratur dalam segala aspek yang berkenaan. Tanggungjawab pengagihan air terawat pula diperuntukkan kepada Pihak Berkuasa Negeri-negeri dan diselia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).



- 2.7 Struktur baru industri perkhidmatan air negara telah memutuskan supaya segala pinjaman pembangunan berkaitan bekalan air oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan akan diambil alih secara novasi oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), sebuah syarikat milik Kerajaan Persekutuan di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan. Sebagai balasan, tanah dan aset air Kerajaan Negeri akan diambil alih oleh PAAB. Tanah dan aset ini seterusnya akan dipajakkan kepada operator air negeri bagi membolehkan ia beroperasi.

2.8 Secara ringkasnya, penstrukturan semula industri perkhidmatan air negara melibatkan 4 entiti utama iaitu:

2.8.1 **Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)** yang berperanan untuk :



- i. mengawal selia Struktur Industri Perkhidmatan Air Negara;
- ii. mengeluarkan lesen yang berkaitan kepada semua operator air termasuk PAAB;
- iii. penetapan tarif air yang seragam; dan
- iv. penguatkuasaan Akta berkaitan.

2.8.1 **Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)** yang bertanggungjawab untuk:



- i. mendapatkan sumber kewangan berkompetitif untuk projek pembangunan infrastruktur air negara;
- ii. mengambil alih pinjaman dan aset air Kerajaan Negeri;
- iii. menyewakan aset air kepada operator air negeri pada kadar yang berpatutan untuk tempoh 45 tahun;
- iv. mengambilalih kerja-kerja penyelenggara, menaiktaraf dan membaikpulih aset air sedia ada;
- v. membangunkan infrastruktur baru;

- vi. memastikan prosedur dan tatacara perolehan dilaksanakan secara telus dan terbuka;
- vii. menguruskan akaun hasil air Kerajaan Negeri sehingga Kerajaan Negeri mampu mencapai lebih operasi; dan
- viii. mengembalikan tanah dan aset yang diambil alih sekiranya tidak lagi dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan;

2.8.3 Operator Air Negeri -
**Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.
(SAINS)**

- i. Sebuah syarikat korporat yang ditubuhkan pada 15 Mac 2007;
- ii. 100% milik Kerajaan Negeri menerusi Menteri Besar Negeri Sembilan (Pemerbadanan);
- iii. akan menerima pajakan semua Aset Mudah Alih JBANS yang telah diambilalih oleh PAAB;
- iv. akan mengambil alih semua Hak dan Liabiliti JBANS;
- v. perlu mengiktiraf dan menggunakan AIPA 2006 dan ASPAN 2006;
- vi. akan memberi fokus kepada kepuasan dan keselesaan pengguna dengan penerapan KPI yang lebih teratur dan profesional;
- vii. menerapkan penggunaan teknologi semasa bermula dari pengagihan air terawat sehingga kepada pengebilan pengguna; dan




viii. SAINS bertanggungjawab untuk :

- mengagihkan air terawat kepada pengguna dalam kawasan agihan;
- menyelenggara setiap infrastruktur dan empangan sedia ada;
- mereka bentuk infrastruktur baru dan operasinya;
- mengutip dan memegang wang jaminan pembayaran perkhidmatan serta mengekalkan pendapatan kasar yang diterima daripada bayaran oleh pengguna;
- membangunkan sumber air mentah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri;
- membayar semula jumlah pembayaran tahunan yang telah ditetapkan dan dipersetujui dalam Perjanjian Pengkorporatan; dan
- hasil jualan air yang dikutip dipindahkan dan diuruskan oleh PAAB untuk maksud perbelanjaan operasi (OPEX), bayaran pinjaman ADB, Faedah Pinjaman, perbelanjaan pembangunan / kapital (CAPEX) dan Sewaan Pajakan.

2.8.4 Jabatan Sumber Air Negeri

- i. penubuhan berdasarkan Enakmen Air (Pindaan Akta Air 1920) 2007;
- ii. mengawal selia operasi SAINS;
- iii. mengutip Royalti Sumber Air Mentah;
- iv. mengeluarkan lesen-lesen yang berkaitan ; dan
- v. penguatkuasaan Akta, Enakmen dan Perjanjian-perjanjian berkaitan.

2.9 Penstrukturan semula industri perkhidmatan air negara yang melibatkan Negeri Sembilan dapat digambarkan melalui rajah berikut :





3.0 FAEDAH KEPADA ORANG AWAM


- 3.1 Mutu sistem pengagihan bekalan air dapat ditingkatkan demi keselesaan rakyat.
- 3.2 Tarif air yang lebih seragam dan tidak membebankan.
- 3.3 Perkhidmatan pelanggan yang lebih teratur dan efisien.

4.0 FAEDAH KERAJAAN NEGERI

- 4.1 Kerajaan Negeri bebas daripada tanggungan pinjaman bekalan air dan tidak perlu menyediakan perbelanjaan CAPEX untuk pembangunan aset air;
- 4.2 Sumber air mentah yang terpelihara dengan lebih teratur;
- 4.3 Penambahan hasil kepada Kerajaan Negeri melalui pengenaan bayaran untuk royalti air mentah; dan
- 4.4 Peruntukan yang pernah disalurkan kepada pembangunan serta pengurusan aset air boleh disalurkan kepada pembangunan yang lebih memerlukan.

5.0 PENUTUP

- 5.1 Penstrukturan semula industri perkhidmatan air dirancang dan dilaksanakan dengan teliti demi meningkatkan mutu bekalan air yang lebih berkualiti dan efisien. Ia dijangka akan dapat membantu pembangunan negara dengan lebih pesat tanpa mengeneipkan keperluan asas rakyat.



Sumber rujukan :

www.ns.gov.my
www.ktak.gov.my
www.span.gov.my
www.paab.my/index.htm

Diterbitkan oleh :

Sektor Infrastruktur
Unit Perancang Ekonomi Negeri
Negeri Sembilan
06-765 9960



Hak Cipta Terpelihara - Kerajaan Negeri Sembilan